



SinarHarian



SinarOnline



SinarHarian



sinarharian



Sinar Harian



Sinar Harian Official

>> BERITA > NASIONAL > Malaysia sertai COVAX, tunjukkan solidariti global untuk ekuiti vaksin

Malaysia sertai COVAX, tunjukkan solidariti global untuk ekuiti vaksin

|| 08 April 2021



Khairy Jamaluddin

A⁻ A⁺

KUALA LUMPUR - Malaysia telah membuat keputusan untuk menyertai COVAX bagi menunjukkan solidariti global dan memastikan ekuiti vaksin untuk semua, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

COVAX yang diterajui bersama oleh 'The Global Alliance for Vaccine and Immunisation' (GAVI), 'Coalition for Epidemic Preparedness Innovations' dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), bertujuan untuk meningkatkan pembangunan dan penghasilan vaksin Covid-19 dan memastikan akses vaksin Covid-19 yang adil dan berkesan untuk semua negara di seluruh dunia.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, banyak tempat di dunia terutamanya negara berpendapatan rendah dan pertengahan, berhadapan masalah untuk mendapatkan bekalan vaksin dan juga tidak mempunyai kebolehan atau keupayaan, untuk menghasilkan vaksin di negara mereka sendiri.

"Negara maju telah menguasai banyak bekalan, dan negara miskin kini terpaksa bergantung kepada kemudahan seperti COVAX bagi mendapatkan vaksin mereka. Ketidaksamaan ini adalah satu ketidakadilan.

"Malaysia telah menjangkakan perkara ini dari awal dan memulakan perbincangan awal, termasuk bersama AstraZeneca bagi mendapatkan bekalan yang mencukupi untuk mengimunitasikan kira-kira 80 peratus populasi negara pada akhir tahun ini," katanya pada ucapannya menerusi aplikasi Zoom di pelancaran Pusat Inovasi Kesihatan AsrtZeneca pada Khamis.

Beliau berkata, pujian perlu diberikan kepada AstraZeneca, sebuah syarikat biofarmaseutikal kerana membuat keputusan untuk menjual vaksinya pada harga kos ketika pandemik ini, dalam memastikan ekuiti vaksin dan selain menjadi bahagian yang besar daripada bekalan vaksin COVAX.

Malaysia dijadualkan untuk mula menerima penghantaran vaksin AstraZeneca pada Mei, yang melibatkan perolehan 6.4 juta dos untuk kegunaan 3.2 juta orang.

Selain itu Khairy berkata, ketidakupayaan Malaysia untuk menghasilkan vaksin untuk manusia pada masa ini adalah satu kesedaran untuk beliau dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam meningkatkan keupayaan, terutamanya sektor penjagaan kesihatan, yang termasuklah pembangunan vaksin untuk manusia daripada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada penghasilan.

Dalam perkara itu, beliau mengucapkan tahniah kepada Universiti Sunway dan AstraZeneca dalam menubuhkan Hab Inovasi Kesihatan di Malaysia yang secara strategiknya menyokong pembangunan sebuah ekosistem penjagaan kesihatan utama yang lebih baik dan juga kedudukan negara yang kuat dalam inovasi dunia penjagaan kesihatan.

"Sebagai pusat inovasi pertama di negara ini yang menggabungkan bersama keupayaan sebuah organisasi akademik dan sebuah syarikat perubatan multinasional, bertempat di Sunway Innovation Labs (Sunway iLab) dan Kuning, Kuala Lumpur, merupakan platform strategik untuk kemudahan R&D, digital dan kerja sama komersial bersama pemegang taruh tempatan dan 'start-ups'," katanya.

Hab itu merupakan sebahagian daripada AstraZeneca A Catalyst Network dan hab ke-10 dilancarkan dalam pasaran bersama dengan hab yang terletak di Rusia, Brazil, Argentina, India, Singapura, negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC), selain China, Taiwan dan Hong Kong.

Menerusi A Catalyst Network, AstraZeneca menghasilkan solusi berasaskan cabaran bersama dan untuk pesakit, dan bekerjasama dengan rakan kongsi untuk membina sistem penjagaan kesihatan bersepadu yang akan memberikan manfaat daripada kesemua pengalaman pesakit daripada pencegahan, kesedaran, diagnosis dan pengubatan kepada pasca rawatan dan kesihatan. - Bernama

Paling Terkini: Isu pajakan tanah: Kerajaan Selangor tidak akan lindungi pesalah

TERKINI | POPULAR

1 Isu pajakan tanah: Kerajaan Selangor tidak akan lindungi...



- 2 Ringgit meningkat berbanding dolar AS pagi ini
- 3 Celcom, Digi bakal bergabung
- 4 Terma wilayah bezakan Sabah, Sarawak dengan Semenanjung
- 5 Jakel, PV bina 3,600 unit pangsapuri


Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini:
<https://info.sinarharian.com.my/koronavirus>

Apakah reaksi anda?

Powered by **Vuukle**




Gembira




Biasa Jer




Terhibur



Teruja



Marah



Sedih



12 Cara Elak Kucing Kencing Merata dan Hapuskan Bau Hancing
 iProperty.com.my | Sponsored

[Baca cerita seterusnya >](#)

Artikel Berkaitan



Malaysia hormati Perjanjian Dua Hala dengan Singapura

SHAH ALAM - Malaysia akan menghormati terma-terma Perjanjian Dua Hala dengan Singapura berikutan Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala...



Vaksin: Malaysia perlu bayar pendahuluan R

KUALA LUMPUR - Keputusan Malaysia menyertai fasiliti vaksin AS\$22.6 juta atau RM94.8 juta.



ASEAN-AS perlu tingkat kerjasama R&D vaksin

Ad

Ikuti berita terkini dari Sinar Harian
 Anda akan menerima notifikasi

Tidak Ya

Unmute

Powered by iZooto



KUALA LUMPUR - ASEAN dan Amerika Syarikat (AS) perlu tingkatkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) vaksin serta ubat...



Malaysia tutup tirai APEC 2020 dengan jayanya: MITI

KUALA LUMPUR - Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik 2020 (APEC 2020) yang dihoskan Malaysia melabuhkan tirainya pada Jumaat dengan penuh...



Tidak semua kawasan sesuai untuk berniaga: Annuar

KUALA LUMPUR - Walaupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi kelonggaran kepada orang ramai untuk membuka gerai atau perniagaan secara...



Mahkamah benar permohonan Hindraf cabar keputusan RoS

KUALA LUMPUR - Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin membenarkan Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (Hindraf) untuk meneruskan tindakan undang-undang...

PNB agih pendapatan, bonus RM11.1 bilion

SHAH ALAM - Permodalan Nasional Bhd (PNB) mencatatkan berdaya tahan dengan memberikan pulangan yang kompetitif menerusi pengagihan pendapatan dan bonus berjumlah RM11.1 bilion kepada pemegang unitnya bagi tahun kewangan 2020.

Sinarharian

Satu cawan (sebelum tidur) membakar lemak perut gila! (Cuba sekarang)

Japan Shinyakoso | Sponsored

12 Cara Elak Kucing Kencing Merata dan
Bau Hancing
iProperty.com.my | Sponsored

[Baca cerita seterusnya >](#)

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Ad

Ikuti berita terkini dari Sinar Harian
Anda akan menerima notifikasi

Tidak Ya

Unmute

Powered by iZooto

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

12 Cara Elak Kucing Kencing Merata dan Hapuskan Bau Hancing

iProperty.com.my | Sponsored

[Baca cerita seterusnya >](#)

Ad



Ikuti berita terkini dari Sinar Harian
Anda akan menerima notifikasi

Tidak Ya

Unmute

Powered by iZooto